



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

DASAR SISTEM PENGURUSAN BERSEPADU (KUALITI, ALAM SEKITAR, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, TENAGA DAN PENGURUSAN ANTIRASUAH)

Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi teknikal utama kerajaan adalah komited untuk menghasilkan produk dan memberi perkhidmatan berkualiti yang cekap selari dengan konteks bisnes dan pelan strategik Jabatan melalui :

1. Memenuhi kehendak pelanggan dalam aspek rekabentuk, kos projek, pembinaan, dan penyerahan bagi pengurusan projek;
2. Menepati kehendak pelanggan dalam aspek penerimaan aset, operasi dan penyenggaraan, penilaian keadaan / prestasi, naik taraf dan pelupusan aset bagi pengurusan penyenggaraan;
3. Melaksana pembangunan secara lestari demi melindungi alam sekitar termasuk mencegah pencemaran;
4. Mematuhi semua peraturan dan perundangan yang diperuntukkan semasa perancangan projek, pelaksanaan projek dan penyenggaraan;
5. Mencegah kecederaan dan penyakit pekerjaan, menghapuskan hazard dan mengurangkan risiko keselamatan dan kesihatan pekerjaan dalam pelaksanaan projek dengan penglibatan semua pihak berkepentingan;
6. Memastikan sistem pengurusan tenaga elektrik dapat meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga secara berterusan;
7. Menyokong perolehan bekalan dan perkhidmatan serta rekabentuk cekap tenaga bagi meningkatkan prestasi penggunaan tenaga berdasarkan spesifikasi piawai JKR semasa;
8. Menyediakan sumber dan aset pengetahuan organisasi yang relevan dan tempat kerja yang selamat;
9. Memastikan semua aktiviti bermula dari perancangan sehingga perkhidmatan penyenggaraan dilaksanakan selaras dengan pematuhan dan memenuhi keperluan Pengurusan Antirasuah serta peraturan – peraturan berkaitan;
10. Meningkatkan prestasi dan produktiviti melalui pembudayaan tadbir urus, integriti dan antirasuah secara berkesan; dan
11. Memastikan penambahbaikan yang berterusan bagi mencapai prestasi dan objektif Sistem Pengurusan Bersepadu.


DATUK WIRA Ir. ROSLAN BIN ISMAIL

Ketua Pengarah Kerja Raya

Tarikh: 3 Januari 2025



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

DASAR ANTIRASUAH

Jabatan Kerja Raya (JKR) beriltizam untuk menangani permasalahan rasuah, integriti dan tadbir urus seiring dengan misi JKR. Bagi menjayakan dasar ini, JKR memastikan langkah – langkah berikut dilaksanakan :

1. Melarang warga JKR daripada meminta, menerima dan menawarkan sebarang bentuk rasuah selaras pematuhan kepada Akta SPRM 2009, undang – undang serta peraturan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa;
2. Membuka ruang kepada warga JKR dan pihak berkepentingan untuk melaporkan sebarang salah laku rasuah dengan memastikan kerahsiaan maklumat dan pengadu melalui pematuhan kepada Polisi *Whistleblowing*;
3. Bahagian Integriti sebagai Fungsi Pematuhan Antirasuah yang bebas dan mempunyai kuasa terhadap Sistem Pengurusan Antirasuah serta melaporkan kepada Badan Pentadbir Urus (*Governing Body*);
4. Memperkukuh tadbir urus Jabatan ke arah sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti dan akauntabiliti bagi meningkatkan keyakinan pemegang taruh, pelanggan serta imej Jabatan;
5. Melaksanakan tindakan tatatertib / undang – undang yang sewajarnya kepada pihak yang melakukan perlakuan rasuah dan pelanggaran berdasarkan undang – undang yang berkuatkuasa; dan
6. Komited ke arah penambahbaikan sistem dan prosedur kerja serta kod etika kerja secara konsisten selaras dengan Pelan Antirasuah Organisasi JKR Malaysia (OACP) dengan hala tuju mencapai sebuah Jabatan Bebas Rasuah.

DATUK WIRA Ir. ROSLAN BIN ISMAIL

Ketua Pengarah Kerja Raya

Tarikh: 3 Januari 2025



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Jabatan Kerja Raya (JKR) beriltizam untuk melaksanakan dan mengekalkan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat kepada seluruh warga kerja dan pihak – pihak lain melalui budaya kerja yang terancang dan sistematik.

Bagi menjayakan dasar ini, JKR memastikan langkah – langkah berikut dilaksanakan :

1. Menzahirkan persekitaran tempat kerja yang selamat dan sihat untuk warga kerja dan pihak – pihak lain melalui perancangan kerja yang teratur dalam situasi biasa mahupun kecemasan;
2. Menyediakan sumber kewangan, informasi, program dan latihan yang berterusan serta menerapkan budaya kerja selamat dan sihat direalisasikan melalui amalan perkongsian tanggungjawab oleh semua warga JKR dan pihak – pihak lain;
3. Menyiasat dan mengambil tindakan pembetulan serta pencegahan dengan segera ke atas setiap kemalangan pekerjaan yang berlaku dan melaporkannya kepada pihak berkaitan; dan
4. Memastikan Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dilaksanakan secara efektif dengan penambahbaikan yang berterusan selaras dengan misi, visi, dan objektif Jabatan ke arah membudayakan sistem kerja yang selamat dan sihat dari semasa ke semasa.

DATUK WIRA Ir. ROSLAN BIN ISMAIL

Ketua Pengarah Kerja Raya

Tarikh: 3 Januari 2025